

Statistik Penguatkuasaan

Seperti yang dinyatakan dalam [Ringkasan Penguatkuasaan](#), kami berusaha untuk mencegah pelanggaran/ketidakpatuhan peraturan yang mungkin berlaku pada masa hadapan, mendidik peserta pasaran dan menyemai budaya pematuhan serta standard tatalaku perniagaan dan amalan tadbir urus korporat yang lebih baik melalui tindakan penguatkuasaan yang diambil.

Selaras dengan matlamat tersebut, kami telah selama ini mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran pelbagai peraturan yang ditetapkan.

Pada tahun 2016, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 14 buah Syarikat Tersenarai Awam ("PLC") dan 38 orang pengarah (dari 8 buah PLC) atas kesalahan melanggar pelbagai Syarat-Syarat Penyenaian, berbanding dengan 14 buah PLC dan 37 orang pengarah (dari 9 buah PLC) pada tahun 2015.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak-pihak tersebut meliputi teguran peribadi/teguran awam dan denda. Butiran tindakan penguatkuasaan (teguran dan tindakan lebih berat) yang diselesaikan/diambil pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 adalah seperti yang tertera di bawah:-

Penalti Tindakan yang Dikenakan[#]	PLC		Pengarah	
	2015	2016	2015	2016
Teguran Awam dan Denda	-	-	30	38
Teguran Awam	11	11	7	3
Teguran Peribadi	2	4	4	-
Teguran Peribadi dan Denda	-	-	-	3
Penggantungan	1	-	-	-
Jumlah PLC/Pengarah	14	14	37	38
Jumlah Denda Dikenakan (RM)	-	-	5,880,600	2,117,000

[#] lebih daripada satu penalti mungkin dikenakan terhadap seorang pengarah atau sebuah PLC.

Selain daripada penalti yang dikenakan di atas, kami juga telah mengeluarkan arahan kepada PLC untuk menjalankan semakan terhadap ke atas laporan suku tahun dan arahan kepada pengarah/kakitangan PLC yang berkenaan untuk menghadiri program latihan yang berfokus pada laporan kewangan dan pematuhan kepada Syarat-Syarat Penyenaian seperti berikut:

	2015	2016
Semakan Terhadap ke atas Laporan Suku Tahun	5	7
Program Latihan Pengarah	6	11

Secara amnya, kami mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran yang berkaitan dengan aspek berikut:-

- laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan laporan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan);
- kelewatan dalam membuat pengumuman penting (contohnya kegagalan membayar kemudahan kredit yang material, litigasi yang material serta pengumuman bahawa syarikat boleh diklasifikasikan sebagai syarikat yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi/dibebani masalah kewangan);
- kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat tadbir urus korporat (contohnya kegagalan untuk melaksanakan fungsi audit dalaman); dan
- syarat-syarat bagi transaksi pihak yang berkaitan.

Kami memandang serius terhadap pelanggaran berkaitan dengan laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan) kerana penyata kewangan yang dikemukakan dengan tepat mengikut masa yang ditetapkan adalah sangat penting

bagi membantu dalam membuat keputusan pelaburan serta memastikan pasaran yang saksama dan teratur untuk sekuriti yang didagangkan di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, penerbit tersenarai telah mencatatkan peningkatan yang ketara dari aspek pematuhan terhadap keperluan tersebut. Ini boleh dilihat dalam penurunan melebihi 60% untuk kesalahan sebegini sejak tahun 2008 (tahun kami mula mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat).

Bagi kesalahan melanggar Peraturan Perniagaan, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap syarikat (iaitu Organisasi Peserta, Peserta Dagangan, dsb.) dan Orang Berdaftar. Tindakan penguatkuasaan utama adalah berkenaan dengan kesalahan-kesalahan penyeliaan dan salah laku pasaran/dagangan oleh Orang Berdaftar.

Butiran tindakan penguatkuasaan (teguran dan tindakan yang lebih berat) yang diambil terhadap kesalahan melanggar Peraturan Perniagaan pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:-

Jenis Tindakan yang Diambil [#]	Bil. Syarikat		Bil. Orang Berdaftar		Jumlah	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Teguran Peribadi dan/atau Denda/ Denda Tertanggung dan/atau Penggantungan dan/atau latihan wajib	13	8	10	7	23	15
Teguran Awam dan Denda dan/atau Penggantungan/ Pembatalan Nama daripada Daftar Peserta dan/atau latihan wajib	1 ¹	-	14	10	15	10
Jumlah	14	8	24	17	38	25
Jumlah Denda Dikenakan (RM)	247,000	233,500	1,630,000	2,047,200	1,877,000	2,280,700

[#] lebih daripada satu tindakan mungkin telah dikenakan terhadap syarikat atau Orang Berdaftar

Pada tahun 2016, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 8 buah syarikat (berbanding 14 buah syarikat pada tahun 2015) dan 17 Orang Berdaftar (berbanding 24 Orang Berdaftar pada tahun 2015) untuk pelbagai pelanggaran Peraturan Perniagaan.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2016 meliputi teguran (awam dan juga peribadi), pembatalan daripada Daftar Peserta, penggantungan, keperluan untuk menghadiri latihan serta denda berjumlah RM2,280,700 berbanding RM1,877,000 pada tahun 2015. Daripada jumlah Orang Berdaftar yang telah dikenakan teguran awam dan denda, penggantungan atau pembatalan daripada Daftar Peserta juga telah dikenakan terhadap kesemua 10 Orang Berdaftar pada tahun 2016.

Sebahagian besar tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak-pihak yang melakukan pelanggaran pada tahun 2016 adalah disebabkan oleh kesalahan pasaran ("market offences"), dagangan tanpa kebenaran/kesalahan berkaitan penggunaan akaun pelanggan, pelanggaran peraturan pembukaan akaun dan kesalahan-kesalahan penyeliaan yang disebabkan oleh salah laku Orang Berdaftar.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendidik para peserta pasaran, memaklumkan kepada pasaran mengenai jenis-jenis tindakan yang diambil, menyemai keyakinan dalam pasaran dan memastikan ketelusan dalam tindakan penguatkuasaan kami, maklumat mengenai kesalahan melanggar Peraturan yang biasa berlaku telah dimuat naik di [laman web](#). Bagi tindakan yang melibatkan [teguran awam](#), kenyataan media (bersama dengan asas keputusan berkenaan pelanggaran tersebut) turut dikeluarkan.

¹ Syarikat ini juga telah dikenakan teguran peribadi dan/atau denda kerana melanggar beberapa peraturan lain.